

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

STU241 - Psikologi Kesihatan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. **Soalan 1** di Bahagian A adalah **wajib**. Pilih **DUA** (2) soalan lain dari Bahagian B. Tiap-tiap soalan membawa 100 markah.

...2/-

Bahagian A

Soalan 1 adalah wajib.

1. Berikan definisi serta bincangkan peranan setiap profesyen di bawah di dalam proses baik pulih kesihatan:
 - i. Ahli Psikologi Kesihatan (Health Psychologist)
 - ii. Jururawat (Nurse)
 - iii. Pakar Pemakanan (Dietitian/Nutritionist)
 - iv. Juruterapi Baik Pulih Anggota (Physiotherapist)
 - v. Juruterapi Baik Pulih Cara Kerja (Occupational Therapist)
 - vi. Pekerja Sosial (Social Worker)
 - vii. Pakar Urut (Massage Therapist)
 - viii. Doktor Homeopati (Homeopathy doctor)
 - ix. Pakar Akupunktur (Accupuncturist)
 - x. Bomoh (Malay Traditional Healer)

(100 markah)

Bahagian B

Pilih **DUA** (2) soalan sahaja di bahagian ini.

2. a) Bincangkan perbezaan antara penyakit masa kini dengan penyakit di zaman "Renaissance"?

(50 markah)
- b) Apakah peranan bidang psikologi dalam kesihatan?

(50 markah)

3. a) Bincangkan kefahaman anda tentang stress. (50 markah)
- b) Sekiranya seseorang mengalami tekanan (stress) yang serius, apakah kesannya pada:
- i. Minda
 - ii. Fizikal
 - iii. Spiritual
 - iv. Perhubungan kekeluargaan
 - v. Perhubungan dengan masyarakat sekeliling
- (50 markah)
4. Berikan definisi konsep-konsep berikut:
- i. Penyalahgunaan bahan (Substance abuse)
 - ii. Toleransi (Tolerance)
 - iii. Simptom penarikan (Withdrawal Symptom)
 - iv. Pergantungan psikologi (Psychological dependence)
 - v. Pergantungan fizikal (Physical dependence)
- (100 markah)
5. Kemukakan satu program pemulihan (penyalahgunaan bahan) yang mengambil kira peringkat-peringkat berikut:
- i. Memotivasi individu supaya menyertai program pemulihan (Individual motivation program)
 - ii. Program sokongan keluarga (Family support program)
 - iii. Program rawatan (Treatment program)
 - iv. Program pengekalan (Maintenance program)
 - v. Program mengatasi masalah berulang (Relapse program)
- (100 markah)